



كِرَايَا نِجَارِيَّةٌ قَدْ جَاءَ بِهَا الْإِسْلَامُ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mail : pkpk@kedah.gov.my

كِدَاةٌ سَعَادَةٌ
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj Kami : P.Kw.N.(K)1521 Jld. 4 (5)
Tarikh : 04 Zulkaedah 1444H
24 Mei 2023

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri
Kedah Darul Aman**

YB Dato'/YBhg. SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YBhg. Dato' Paduka/YBhg.
Dato'/YBhg. Datuk/Tuan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN BIL. 2
TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN ANGGARAN KUTIPAN HASIL,
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS DAN ANGGARAN
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 2024 KERAJAAN NEGERI
KEDAH DARUL AMAN**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah akan menyediakan Cadangan Anggaran Kutipan Hasil, Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Jabatan-Jabatan Negeri Bagi Tahun 2024.

2. Sehubungan itu, Bersama-sama ini disertakan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 2 Tahun 2023** mengandungi garis panduan bagi penyediaan anggaran perbelanjaan tahun 2024 yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak YB Dato'/YBhg. SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YBhg. Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOOR SHAADAH BINTI AHMAD, AMK., BCK.)
b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman**

Tel : 04-7027725/7027752
Emel : pkpk_belanjawan@kedah.gov.my

SENARAI EDARAN

1. Yang Berhormat
Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
2. Yang Berhormat Dato'
Pegawai Kewangan Negeri
Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
[u/p : Penolong Pegawai Kewangan (Khidmat Pengurusan)]
3. Yang Berbahagia Datuk
Pengarah Tanah dan Galian Negeri
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah
Kedah Darul Aman
Wisma Negeri
05576 Alor Setar
4. Yang Berbahagia Dato'
Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri
Kedah Darul Aman
Bangunan Wan Mat Saman
05676 Alor Setar
5. Sohibus Samahah
Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah
Jabatan Mufti Negeri Kedah
Aras 3, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
6. Yang Amat Arif
Dato' Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
Aras 2, Bangunan Mahkamah Syariah,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar

7. Yang Berbahagia Dato' Paduka
Pengelola Bijaya DiRaja
Pejabat Kebawah D.Y.M.M. Tuanku Sultan Kedah Darul Aman
Aras 1, Blok A,
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
8. Yang Berbahagia Dato'
Pegawai Daerah Kota Setar
Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar
Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah Kota Setar,
Persiaran Jubli Emas,
Jalan Suka Menanti,
05150 Alor Setar
9. Pegawai Daerah Kuala Muda
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman
10. Pegawai Daerah Kulim
Pejabat Daerah dan Tanah Kulim
09000 Kulim
Kedah Darul Aman
11. Pegawai Daerah Kubang Pasu
Pejabat Daerah dan Tanah Kubang Pasu
06000 Jitra
Kedah Darul Aman
12. Pegawai Daerah Baling
Pejabat Daerah dan Tanah Baling
09100 Baling
Kedah Darul Aman
13. Pegawai Daerah dan Tanah Sik
Pejabat Daerah dan Tanah Sik
08200 Sik
Kedah Darul Aman
14. Pegawai Daerah Padang Terap
Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap
06300 Kuala Nerang
Kedah Darul Aman

15. Yang Berbahagia Dato'
Pegawai Daerah Langkawi
Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi
07000 Kuah, Langkawi
Kedah Darul Aman
16. Pegawai Daerah Yan
Pejabat Daerah dan Tanah Yan
06910 Yan
Kedah Darul Aman
17. Yang Berbahagia Dato'
Pegawai Daerah Bandar Baharu
Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu
09800 Serdang
Kedah Darul Aman
18. Pegawai Daerah Pendang
Pejabat Daerah dan Tanah Pendang
06720 Pendang
Kedah Darul Aman
19. Pegawai Daerah Pokok Sena
Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena
06400 Pokok Sena
Kedah Darul Aman
20. Setiausaha
Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Kedah Darul Aman
Aras 4, Blok E,
Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
21. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman
Aras 1, Blok E,
Wisma Darul Aman.
05503 Alor Setar
22. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri
Kedah Darul Aman
Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar

23. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri
Kedah Darul Aman
Tingkat 10, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
24. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah Darul Aman
Tingkat 7, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar
25. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Kedah Darul Aman
Telok Chengai
06600 Kuala Kedah
26. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
Kedah Darul Aman
Jalan Datuk Kumbang
05300 Alor Setar
27. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
Aras Bawah, Blok C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Anak Bukit, Bandar Mu'adzam Shah,
05550 Alor Setar
28. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
Kedah Darul Aman
Tingkat 8, Bangunan Sultan Abdul Halim
05500 Alor Setar



Kepada
Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Negeri Kedah Darul Aman

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH BIL. 2 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN KUTIPAN HASIL, ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS DAN ANGGARAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 2024 KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan bagi penyediaan Cadangan Anggaran Kutipan Hasil, Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Anggaran Kumpulan Wang Pembangunan Jabatan-Jabatan Negeri bagi Tahun 2024.

2.0 STRATEGI BAJET 2024

- 2.1 Kerajaan Negeri Kedah melalui Bajet 2024 meneruskan agenda pembangunan untuk menjadikan Negeri Kedah sebuah Negeri Sejahtera dan Berdaya Huni melalui **Pelan Pembangunan Kedah 2035**.
- 2.2 Bertepatan dengan agenda tersebut Kerajaan Negeri terus komited untuk terus memperkasa ekonomi rakyat dengan memberikan fokus kepada peruntukan yang memberikan impak secara langsung kepada rakyat.

- 2.3 Sebagai langkah untuk merealisasikan perkara tersebut dasar penyediaan Bajet 2024 ditetapkan seperti berikut :
- i. Jabatan hendaklah merancang peruntukan Bajet 2024 berdasarkan kerangka Pelan Pembangunan Kedah 2035 berdasarkan Teras Strategik, Strategi dan Inisiatif yang telah digariskan.
 - ii. Perancangan perbelanjaan dan peruntukan hendaklah mengambilkira impak terus kepada rakyat samada melalui perkembangan sektor ekonomi atau melalui penambahbaikan prosedur dan sistem penyampaian kerajaan.
 - iii. Program dan cadangan peruntukan hendaklah disusun dengan memberi tumpuan kepada aktiviti yang dapat meningkatkan hasil negeri.
 - iv. Cadangan peruntukan perbelanjaan hendaklah mengambilkira dasar penjimatan bagi memastikan setiap peruntukan yang dibelanjakan dapat memberikan impak paling optimum.
 - v. Memanfaatkan sepenuhnya infrastruktur teknologi maklumat dan aplikasi yang tersedia dengan mengurangkan penggunaan dokumen bercetak, penggunaan email sebagai medium penghantaran dokumen dan menggunakan sepenuhnya aplikasi yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri seperti aplikasi iBAYAQ dan iHASIL
 - vi. Kutipan Hasil Negeri adalah dibuat sepenuhnya melalui transaksi terimaan tanpa tunai (*Cashless Payment*).
 - vii. Penyediaan anggaran hasil hendaklah mengambilkira jumlah patut kutip sebenar dan jabatan hendaklah mengutamakan perancangan kutipan tunggakan hasil bagi mengurangkan jumlah Akaun Belum Terima (ABT).

- viii. Membuat penyusunan semula fungsi dan perjawatan jabatan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber manusia dalam meningkatkan prestasi perkhidmatan dan mengurangkan kos pengurusan.
- 2.4 Perancangan Bajet 2024 hendaklah dibuat dengan memberi penekanan kepada perbelanjaan yang memberikan “*Value for Money*”.

3.0 ANGGARAN HASIL

- 3.1 Pegawai Pengawal Jabatan/PTJ Pemungut Hasil dikehendaki menyediakan satu anggaran hasil yang **maksimum**. Oleh yang demikian, dasar berikut perlu diberi perhatian dan diambil kira dalam penyediaan anggaran hasil.
- 3.1.1 Memastikan semua hasil yang **mempunyai punca kuasa yang jelas di ambil kira secara maksimum**.
 - 3.1.2 **Data-data tunggakan hasil yang terkini** dimasukkan dalam anggaran secara maksimum.
 - 3.1.3 Memastikan **kadar atau caj hasil yang terkini** yang digunakan.
- 3.2 Pegawai Pengawal Jabatan/PTJ Pemungut Hasil juga dikehendaki melaksanakan dasar berikut supaya anggaran hasil yang maksimum dapat dicapai.
- 3.2.1 Semakan dan kemaskini kadar dan caj hasil sedia ada yang melebihi 10 tahun.
 - 3.2.2 Penambahbaikan terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP) Kaedah Kutipan Hasil.

3.2.3 Membuat pemutihan data-data tunggakan hasil

3.2.4 Menerokai punca hasil baru.

3.3 Asas-asas penyediaan anggaran hasil tahun 2024 adalah seperti berikut:

PERIHAL HASIL	FORMULA/ ASAS PENYEDIAAN ANGGARAN
Cukai Tanah, Tali Air, Denda Lewat Bayar Cukai Tanah dan Notis	100% daripada jumlah patut kutip pada 31 Mei 2023
Tunggakan Cukai Tanah dan Tali Air	100% daripada jumlah patut kutip pada 31 Mei 2023 atau data sebenar yang boleh kutip
Premium Tanah	Berdasarkan kelulusan Kerajaan Negeri.
Premium Perhutanan	Berdasarkan kelulusan Kerajaan Negeri mengikut kuota tahunan yang dibenarkan.
Royalti Pengeluaran Bahan Galian, Sewa dan Lese Galian serta hasil - hasil Galian	Berdasarkan kelulusan Kerajaan Negeri dan Kiraan terperinci berdasarkan data sedia ada secara bulanan atau tahunan berasaskan kadar fi, trend permohonan / jumlah / kuantiti / unit.
Cukai hiburan dan tunggakan, Lesen Hiburan, Sewaan,	Kiraan terperinci berdasarkan data sedia ada secara bulanan atau tahunan berasaskan kadar fi, trend permohonan / jumlah / kuantiti / unit.

PERIHAL HASIL	FORMULA/ ASAS PENYEDIAAN ANGGARAN
Royalti, pelbagai cukai tak langsung, bayaran pendaftaran, Permit, Bayaran Perkhidmatan, Pelbagai Jualan, Denda dan hukuman dan lain-lain koding hasil berulang yang lain.	Kiraan terperinci berdasarkan data sediaada atau berdasarkan rekod kutipan hasil sebenar untuk tiga (3) tahun ke belakang bermula 2020, 2021 dan 2022.
Pemberian 50% kos pengurusan jabatan, Pemberian 10% perkhidmatan, Pemberian Pelancongan,	Berdasarkan permohonan dan kelulusan tuntutan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
Pemberian mengikut ramai penduduk ,Royalti Pulau Pinang, Pemberian Khas Pulau Pinang	Berdasarkan kelulusan tuntutan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
Terimaan daripada anak syarikat / syarikat berkaitan Kerajaan	Berdasarkan sumbangan daripada anak syarikat.
Pemberian Pertambahan Hasil, Pemberian Akaun Mengurus	Berdasarkan Ekonomi semasa Kerajaan Persekutuan dan status defisit kewangan Kerajaan Negeri.

- 3.4 Pegawai Pengawal Jabatan pemungut hasil hendaklah mengemukakan **Cadangan Anggaran Hasil Jabatan Tahun 2024** seperti di bawah :-

KATEGORI JABATAN	ANGGARAN JABATAN/PTJ
Pejabat Daerah dan Tanah	PTJ 101 - Pejabat Daerah
	PTJ 102 - Pejabat Tanah
a. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah b. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) c. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	PTJ Jabatan dikehendaki menyatukan cadangan anggaran hasil PTJ Daerah untuk dijadikan satu (1) anggaran hasil Jabatan.
Pelbagai Jabatan selain di atas	Mengikut jabatan masing-masing

4.0 PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

- 4.1 Bagi Tahun Belanjawan 2024 Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus yang mengambil kira keperluan sebenar dan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus:

PERMOHONAN DASAR BARU DAN 'ONE OFF'

- 4.2. **Permohonan Tambahan Emolumen**
Tambahan permohonan dasar baru bagi emolumen hanya bagi perjawatan baru yang diluluskan sahaja berdasarkan Waran Perjawatan. Pengisian perjawatan adalah berdasarkan kelulusan yang diberikan oleh Pejabat Kewangan Negeri kepada Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah sahaja.

- 4.3. **Perolehan bagi Perkhidmatan Berkontrak**
Jabatan hendaklah membuat perancangan bagi perkhidmatan berkontrak dan memastikan perkhidmatan yang diterima dapat memberikan pulangan terbaik dari perbelanjaan yang dibuat. Komitmen baru bagi perkhidmatan berkontrak hendaklah dipastikan peruntukan mencukupi sebelum kontrak ditandatangani.
- 4.4. **Kenderaan Jabatan**
Permohonan pembelian kenderaan jabatan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri secara berasingan.
- 4.5. **Komputer, Printer, Server dan Peralatan ICT**
Permohonan bagi pembelian komputer, printer, server dan peralatan ICT jabatan, hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Teknologi Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah berdasarkan Program Pelan Pengantian Peralatan ICT.
- 4.6. **Perbelanjaan Penyelenggaraan Berkala**
Penyelenggaraan di bawah vot mengurus adalah bagi penyelenggaraan secara berkala jabatan. Penyelenggaraan secara 'One-Off' dan melibatkan peruntukan melebihi RM50 ribu hendaklah dikemukakan di bawah peruntukan pembangunan.
- 4.7. **Peruntukan Pembaikan dan Kerja Naik Taraf**
Peruntukan bagi pembaikan dan kerja naiktaraf jabatan yang bernilai tidak melebihi RM50 ribu boleh dimohon di bawah peruntukan 'One-Off'.

Pembaikan dan kerja naik taraf bernilai lebih RM50 ribu hendaklah di mohon di bawah Peruntukan Pembangunan Jabatan, bagi jabatan yang tidak mempunyai Vot Pembangunan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah di bawah Vot P:04.

5.0 PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

- 5.1 Permohonan Perbelanjaan Pembangunan hendaklah dirangka berdasarkan kepada Dasar Pembangunan Negeri melalui Pelan Induk Pembangunan Negeri “Kedah 2035 : Sejahtera dan Berdaya Huni”
- 5.2 Tahun 2024 adalah merupakan tahun ke-empat RMK-12. Perancangan perbelanjaan peruntukan hendaklah dibuat secara terancang dan mengambilkira tempoh pelaksanaan sehingga tempoh akhir RMK-12. Permohonan adalah berdasarkan projek yang telah diluluskan didalam RMK-12 (Pembiayaan Negeri).
- 5.3 Sekiranya terdapat keperluan untuk Semakan Pertengahan Penggal (*Mid Term Review*) bagi projek-projek yang disenaraikan dalam RMK-12. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri untuk penyelarasan. Kelulusan Siling Peruntukan hendaklah mendapat pandangan daripada Pegawai Kewangan Negeri sebelum dibentang untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
- 5.4 Bagi Jabatan yang tidak mempunyai Vot Pembangunan seperti Pejabat Daerah, Jabatan Kehakiman Syariah, Pejabat Mufti, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah dan lain-lain jabatan yang berkaitan, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.
- 5.5 Peruntukan untuk projek-projek baru yang tidak tersenarai dalam kelulusan RMK-12 Negeri hanya akan dipertimbangkan jika projek tersebut telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa negeri.
- 5.6 Pengambilan balik tanah yang melibatkan projek Kerajaan Negeri sahaja boleh dimasukkan dalam Anggaran Belanjawan 2024. Bagi projek-projek di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan-badan Berkanun atau Agensi Kerajaan lain, cadangan

hendaklah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk menyediakan anggaran perbelanjaannya sendiri.

- 5.7 Bagi Projek pembangunan yang tempoh pelaksanaannya melebihi satu tahun, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan sebenar yang diperlukan dimohon mengikut tahun keperluan dan disokong dengan justifikasi yang jelas dan tahap kemajuan pelaksanaan projek berkenaan dibentangkan.
- 5.8 Perancangan perbelanjaan hendaklah 'realistic' dan mengambil kira kemampuan pelaksanaan dalam tahun perbelanjaan yang dicadangkan untuk mengelakkan '*shortfall*'.

6.0 PENUTUP

Cadangan Anggaran Hasil

- 6.1 Cadangan anggaran hasil yang dikemukakan hendaklah dikunci masuk melalui **Sistem Bajet Negeri Kedah (iBAJET)** di menu **Anggaran Hasil**.
- 6.2 Pegawai Pengawal Jabatan pemungut hasil perlu menghantar **Cadangan Anggaran Hasil Jabatan Tahun 2024** melalui sistem IBAJET dan mengemukakan **Cadangan Anggaran Hasil Jabatan Tahun 2024** yang dimuat-turun dari Sistem iBAJET (format Excel) ke emel **pkpk_hasil@kedah.gov.my**

Cadangan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan

- 6.3 Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus hendaklah disediakan dalam **DUA (2) NASKAH** mengikut format yang ditetapkan. 'Softcopy' cadangan anggaran perbelanjaan mengurus hendaklah emel kepada **pkpk_belanjawan@kedah.gov.my**

- 6.4 Penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan hendaklah menggunakan format-format yang disediakan. Cadangan perbelanjaan yang dikemukakan hendaklah dikemukakan **mengikut sukuan tahun** bagi permohonan tahun semasa.
- 6.5 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Cadangan Anggaran Perbelanjaan yang dikemukakan adalah **MUKTAMAD**. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri **AKAN MENOLAK** sebarang pindaan atau penambahan ke atas cadangan yang dikemukakan selepas tarikh akhir.

Tarikh Akhir

- 6.6 Cadangan Anggaran Hasil, Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Anggaran Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2024 dengan menggunakan format yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN** hendaklah dikemukakan ke Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah pada atau sebelum **15 Jun 2023 (Khamis)**.
- 6.7 Pegawai Pengawal yang memerlukan maklumat dan penjelasan lanjut bolehlah menghubungi Pegawai-Pegawai berikut:

UNIT BELANJAWAN

Penolong Pegawai Kewangan Negeri(Belanjawan)	04-7027728
Ketua Unit Belanjawan	04-7027752

UNIT HASIL

Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil)	04-7027731
Ketua Unit Hasil	04-7027755

- 6.8 Pekeliling dan senarai Lampiran boleh dimuat turun di laman sesawang Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah seperti berikut **<http://ppnk.kedah.gov.my>**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman.

Tarikh : **24 MAY 2023**

s.k : Yang Berhormat
Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

Bendahari Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negeri Kedah Darul Aman

LAMPIRAN

Bil	Perkara	Lampiran/emel	Semak (✓)
	Anggaran Perbelanjaan Mengurus		
1	Format Kiraan Gaji Tahunan	Lampiran A	<input type="checkbox"/>
2	Borang Permohonan Kenderaan	Lampiran B	<input type="checkbox"/>
3	Borang Permohonan Peralatan ICT	Lampiran C	<input type="checkbox"/>
4	Format Anggaran Belanjawan Mengurus	Lampiran D	<input type="checkbox"/>
	- Ringkasan Eksekutif	ABM 1	<input type="checkbox"/>
	- Format Perjanjian Program	ABM 2	<input type="checkbox"/>
	- Ringkasan Kedudukan Perjawatan	ABM 3	<input type="checkbox"/>
	- Ringkasan Cadangan Dasar Baru dan One-Off	ABM 4	<input type="checkbox"/>
	- Format Bagi Cadangan Dasar Baru/One-Off	ABM 5	<input type="checkbox"/>
	<ul style="list-style-type: none"> • Pengiraan Batas Perbelanjaan Tahun Belanjawan (ET) = <i>Dasar Sediada Tahun Semasa + [Dasar Baru Tahun Semasa - Peruntukan Aset] - Dasar Baru Tahun Semasa yang tidak dilaksanakan + jumlah kenaikan gaji tahun semasa</i> 		

Bil	Perkara	Lampiran/emel	Semak (✓)
5	Format Bagi Cadangan Penjimatan	ABM 6	<input type="checkbox"/>
	Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun Belanjawan Mengikut Objek Am dan Objek Sebagai	ABM 7	<input type="checkbox"/>
	Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Semasa dan Ringkasan Permohonan Dasar Baru/One-Off	Lampiran E	<input type="checkbox"/>
	- Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Semasa	Lampiran 1	<input type="checkbox"/>
	- Anggaran Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun Belanjawan	Lampiran 2	<input type="checkbox"/>
6	- Ringkasan Permohonan Dasar Baru	Lampiran 3	<input type="checkbox"/>
	- Ringkasan Permohonan One-Off	Lampiran 4	<input type="checkbox"/>
	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan		
	Format Anggaran Belanjawan Pembangunan	Lampiran F	<input type="checkbox"/>
	- Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun Belanjawan	ABP 1	<input type="checkbox"/>
- Justifikasi Anggaran Pembangunan	ABP 2	<input type="checkbox"/>	